

BAHAGIAN C: RUMUSAN

[30 markah]

- 9 *Baca dan teliti setiap bahan yang diberikan, kemudian buat satu rumusan yang panjangnya tidak melebihi 120 patah perkataan. Anda digalakkan supaya menggunakan ayat anda sendiri tanpa mengubah maksud asal bahan.*

Bahan 1

Bersempena dengan bulan menyambut Hari Guru, Hari Ibu dan Hari Bapa, ucapkanlah “selamat” dan “terima kasih” kepada ketiga-tiga individu yang penting dan banyak berjasa dalam hidup anda ini. Kepada ibu bapa atau guru-guru, andalah penyebab sama ada menaikkan atau membunuh imej dan semangat seseorang individu remaja. Mengapakah anda sebagai ibu bapa atau guru, sibuk memfokuskan kegagalan anak atau pelajar dalam peperiksaan? Mengapakah anda tidak fokus kepada kelebihan lain seperti kebaikan peribadinya, kerajinannya dan kejujurannya dalam pergaulan, sama ada dengan keluarga atau sahabat handai?

Kepada ibu bapa, walaupun keputusan peperiksaan anak anda tidak cemerlang, jangan melabelkan anak anda tidak ada masa hadapan. Sebenarnya, ibu bapa merupakan insan yang dapat melahirkan anak-anak yang cemerlang agar reda dan bersyukur dengan segala yang Tuhan berikan. Terimalah hakikat kegagalan dan kejayaan itu sebagai rezeki ketentuan Yang Maha Berkuasa. Selain itu, usah membandingkan kejayaan anak-anak lain yang lebih cemerlang. Hal ini berlaku kerana, itulah hasil daripada usaha dan kemampuan anak-anak yang kemungkinan mempunyai kebolehan lain yang boleh dibina untuk anak-anak melakar ‘Peta Kehidupan’ yang baharu yang bersesuaian dengan kemampuan mereka. Sehubungan dengan itu, bantu dan pandulah mereka untuk membina masa hadapan dengan lebih positif.

Sebagai seorang anak yang ingin melakar ‘Peta Kehidupan’ yang cemerlang perlulah mempunyai kriteria yang ampuh agar dapat mendepani cabaran dengan baik. Fokus ketika pengajaran guru di sekolah merupakan tuntutan penting diberikan penekanan kepada anak-anak. Dari aspek kerohanian, anak-anak mempunyai kekuatan akidah dan tahu menjaga diri sebaiknya. Hanya dengan kekuatan akidah berupaya menjaga akhlak dan ibadah sehingga hujung perjalanan mereka. Seorang anak yang cemerlang juga, berupaya meningkatkan silaturahim sesama manusia. Untuk menjamin kecemerlangan yang utuh, anak-anak perlu tidur dan rehat yang secukupnya untuk menjamin kesihatan. Apalah gunanya mengulang kaji pelajaran hingga dinihari dan esoknya anda bangun lewat untuk ke sekolah, bersiap dalam keadaan kelam-kabut, dan melangkah ke sekolah dalam keadaan tidak bermaya kerana tidak cukup tidur.

Selain itu, anak-anak berupaya mencari rezeki dan membina kekayaan. Biarlah anak-anak hidup dengan rezeki yang sedikit tetapi berkat. Oleh itu, sebagai anak balaslah jasa ibu bapa anda selagi mereka hidup dan berilah mereka kasih sayang dan kebahagiaan.

Dipetik dan diubah suai daripada
‘Bimbing Remaja Melakarkan Peta Kehidupan’
oleh Datuk Profesor Dr. Muhaya Mohamad
Dewan Bahasa, Bil. 05/2020

Bahan 2**PANTUN NASIHAT**

Kanak-kanak bermain di taman,
Bersorak-sorai kelihatan riang,
Anak dibesar penuh kemesraan,
Agar menjadi insan cemerlang.

Pergi berehat di tasik Lantun,
Terlihat sekawan anak rusa,
Didiklah anak sopan dan santun,
Menjadi lambang sesuatu bangsa.

Kalau hendak melentur buluh,
Jangan dipilih yang sudah tua,
Tangani anak bersungguh-sungguh,
Agar anak beroleh jaya.

<https://slidetodoc.com/>
Koleksi pantun

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT